

ورتا فنرعن Warta Penerangan



MEI 2018





Dengan Ingatan Tulus Ikhlas
Daripada
**Jabatan Penerangan,
Jabatan Perdana Menteri.**

Seluruh Pegawai dan Kakitangan Jabatan Penerangan
mengucapkan selamat menunaikan ibadah Puasa
1439 Hijrah



**Terbitan Unit Penerbitan Melayu
Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri**

“Membudayakan Masyarakat Bermaklumat”

Sidang Redaksi

Penasihat
Mawardi bin Haji Mohammad

Penyelaras & Penyemak
Unit Penerbitan Melayu

Sumber Berita & Fotografi
PELITA BRUNEI dan
Pegawai dan Kakitangan
Jabatan Penerangan



Isi Kandungan

Siapkan diri dengan ilmu dan pengalaman	5
MIB sandaran, cara hidup rakyat Brunei	6
Tinjau penanaman padi Kampung Wasan	7
Peserta Perkampungan Sivik lawat JAIN	8
Taklimat Perkampungan Sivik diteruskan	9
Program Perkampungan Sivik adakan kempen kebersihan	10
Peserta Perkampungan Sivik terima sijil	11
Jabatan Penerangan semarakkan Sambutan Israk dan Mikraj	12
Tanamkan semangat kenegaraan berteraskan MIB	13
Program Sua Muka jalin kolaborasi bersama	14
Jabatan Penerangan terus barigakan maklumat semasa	15
Peserta PMB lawat agensi kerajaan	16-17
Peserta PMB adakan lawatan secara berasingan	18
Dekati penduduk melalui Program Sua Muka	19
PMP tingkat hubungan dua hala	20
Pelajar diseru hayati lagu kebangsaan, bendera negara	21
MS PDB juara Bola Jaring Jabatan Penerangan	22
Poster Jualan Buku-Buku Terbitan Jabatan Penerangan	23

Muka

WARTA Penerangan merupakan sebuah majalah terbitan Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri yang memaparkan aktiviti dan program jabatan sepanjang bulan.

Sumber berita dan gambar dipetik dari Pelita Brunei, hasil penulisan pegawai dan kakitangan jabatan.

Warga Jabatan Penerangan juga dialu-alukan untuk memberi sumbangan berita dan gambar aktiviti-aktiviti di bahagian dan cawangan masing-masing.

Berita dan gambar berkenaan boleh dihantar ke Unit Penerbitan Melayu, Tingkat 2, Bangunan Lama Jabatan Penerangan.

NOTA: Sidang Redaksi memohon maaf jika terdapat sebarang berita, maklumat, gambar dan sebagainya yang tidak disiarkan dalam keluaran ini. Harap maklum.

Siapkan diri dengan ilmu dan pengalaman

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PESERTA Program Perkampungan Sivik semasa menghadiri sesi dialog bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mei. - Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyeru para peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah supaya sentiasa mempersiapkan diri dengan ilmu pengetahuan dan pengalaman sebelum melangkah ke alam pekerjaan.

Seruan dibuat semasa Sesi Dialog bersama peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama Tahun 2018 yang berlangsung di Tarindak D'Seni, di sini.

Jelas beliau, selain mengambil inisiatif sendiri para peserta program perlu melibatkan diri dalam kerja-kerja sukarelawan dan kerja sambilan untuk meraih seberapa banyak pengalaman dan bukan hanya duduk di rumah, sementara menunggu pekerjaan di jabatan kerajaan.

Sesi Dialog bersama Pemangku Pengarah Penerangan ini adalah untuk berkongsi maklumat dan pengalaman mengenai isu-isu semasa termasuk mengenai alam pekerjaan di samping para peserta program berpeluang mengajukan beberapa soalan.



SEBAHAGIAN dari peserta Program Perkampungan Sivik semasa menghadiri sesi dialog bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

MIB sandaran, cara hidup rakyat Brunei

Berita dan Foto : Hernie Suliana Haji Othman



SEORANG peserta Perkampungan Sivik mengemukakan soalan dalam sesi soal jawab selepas mendengarkan taklimat Melayu Islam Beraja.



TAKLIMAT bertajuk ‘Kewujudan dan Kesinambungan Negara Melayu Islam Beraja’ disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan di Pejabat Sekretariat Melayu Islam Beraja, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 1 Mei. - Seramai 20 peserta Program Perkampungan Sivik hari ini berpeluang berkongsi ilmu dan pengetahuan mengenai Konsep Melayu Islam Beraja (MIB) yang disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Kanan, Pejabat Sekretariat MIB, Dr. Awang Haji Muhammad Hadi bin Muhammad Melayong, yang berlangsung di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun, di sini.

Dalam taklimatnya yang bertajuk ‘Kewujudan dan Kesinambungan Negara Melayu Islam Beraja’ Dr. Awang Haji Muhammad Hadi antara lain menjelaskan Konsep MIB bukan sekadar konsep malahan merupakan sandaran dan cara hidup rakyat negara ini sejak berabad lamanya yang masih mengamalkan Adat Istiadat Melayu yang berketuakan Raja dan berpegang kepada tali Allah Subhanahu Wata’ala, iaitu agama Islam.

Jelasnya, berdasarkan Wawasan Negara 2035, MIB merupakan acuan yang akan membentuk dan mewarnai apa jua kemajuan dan pembangunan yang akan dicapai, untuk kesejahteraan dan kemakmuran hidup rakyat bagi kelangsungan pemerintahan beraja di Negara Brunei Darussalam.

Justeru sebagai pemimpin dalam suatu organisasi haruslah mempraktikkan nilai-nilai budaya orang Brunei yang tidak mementingkan diri, di samping bersifat amanah dan jujur, dengan keindahan budi bahasa, budi pekerti dan juga budi bicara.

“Kita juga hendaklah bijak membezakan kepentingan sudut keagamaan dalam sesuatu budaya, untuk mencari keberkatan dalam mengejar ukhrawi, di samping mengimbangkannya dengan keperluan duniaawi, bagi memastikan ia tidak bercanggah dalam Islam.” ujar beliau.

Tinjau penanaman padi Kampung Wasan

Oleh : Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA peserta Program Perkampungan Sivik semasa meninjau kawasan penanaman padi di Kampung Wasan.

PENGKALAN BATU, Selasa, 1 Mei. - Tidak terbayang di fikiran para peserta Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama 2018 apabila mereka dibawa melawat ke Kawasan penanaman padi di Kampung Wasan.

Sebaik saja menjelaskan kaki di bendang sawah secara langsung memberikan pengalaman baharu bagi semua peserta selain memberikan panorama yang jarang-jarang mereka lihat.

Semasa lawatan tersebut mereka juga turut diberikan taklimat mengenai penanaman padi di kawasan berkenaan yang disampaikan oleh Juruekopertanian, Dayang Bibi Khadizah binti Haji Rusli.

Antara padi yang ditanam ialah Padi Laila, Pusu, Bario dan Adan.

Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah ini adalah satu projek yang dilaksanakan melalui

strategi kerja Jabatan Penerangan iaitu ‘Komunikasi Bersemuka’ selaras dengan visi jabatan sebagai salah satu agensi peneraju kerajaan dalam menyampaikan dan memberi maklumat rasmi kerajaan.

Selain itu ia juga merupakan salah satu platform ke arah melengkapkan para peserta untuk mampu berdaya saing, mampu mendepani segala cabaran dan mampu merebut peluang-peluang pekerjaan.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik mendengar taklimat mengenai penanaman padi yang di sampaikan oleh Juruekopertanian, Dayang Bibi Khadizah binti Haji Rusli.

Peserta Perkampungan Sivik lawat JAIN

Oleh : Hajah Siti Zuraiyah Haji Awang Sulaiman / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEGAWAI Penyelidik, Jabatan Adat Istiadat Negara, Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Karim menjelaskan mengenai peranan bendera kepada para Peserta Perkampungan Sivik.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mei. - Peserta Perkampungan Sivik terus disibukkan dengan berbagai aktiviti yang berfaedah yang secara langsung dapat menambah ilmu dan pengetahuan samaada dalam bentuk taklimat mahupun lawatan.

Sebagai salah satu destinasi yang menyimpan berbagai maklumat, Jabatan Adat Istiadat Negara (JAIN) kini menjadi destinasi perhentian bagi para peserta program tersebut untuk mengetahui serba sedikit khazanah ilmu yang tersimpan di sini.

Semasa lawatan, para peserta turut di terangkan mengenai 'Terasul dan Bahasa Pengganti Diri Bahasa Dalam' yang disampaikan oleh Pegawai Penyelidik, JAIN, Awang Mohammad Khairol Nazwan bin Karim.



PARA Peserta Perkampungan Sivik mendengarkan taklimat semasa melawat ke Bangunan Lapau.

Pada kesempatan itu, para peserta juga berpeluang melawat ke Bangunan Lapau.



SEBAHAGIAN peserta Program Perkampungan Sivik semasa mendengarkan taklimat.



PARA peserta Program Perkampungan Sivik bergambar kenangan semasa mengadakan lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara.

Taklimat perkampungan sivik diteruskan

Oleh: Dk. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad / Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said/
Ak. Syi'aruddin Pg. Dauddin



SEBAHAGIAN daripada para peserta Perkampungan Sivik semasa mendengarkan taklimat tersebut.



PEGAWAI Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Yusre bin Mabob ketika menyampaikan taklimat.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 2 Mei. - Program Perkampungan Sivik meneruskan lagi acaranya, pada sebelah petang hari ini dengan Sesi Taklimat Wawasan Brunei 2035, bertempat di Bilik Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun.

Taklimat disampaikan oleh Pegawai Tugas-Tugas Khas Tingkat II, Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035, Jabatan Perdana Menteri, Awang Mohd. Yusre bin Mabob.

Taklimat antara lain bertujuan untuk mensejajarkan semua pihak yang berkepentingan, di samping setiap organisasi yang juga diharap akan lebih memahami kaitan peranan mereka dalam mengerakkan usaha-

usaha ke arah mencapai matlamat Wawasan Brunei 2035.

Taklimat pembarigaan Wawasan Brunei 2035 secara amnya bertujuan untuk memperkenalkan, mendidik dan menyelaras pemahaman orang ramai mengenai wawasan berkenaan.

Sementara di sebelah malam di tempat yang sama Program Perkampungan Sivik diteruskan lagi dengan taklimat bertajuk Struktur Pentadbiran Negara Brunei Darussalam yang disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan, Dayang Hajah Hamsah binti Dato Kerna Haji Jaya.



SEBAHAGIAN daripada para peserta Perkampungan Sivik semasa mendengarkan taklimat bertajuk Struktur Pentadbiran Negara Brunei Darussalam pada sebelah malam.



Program Perkampungan Sivik adakan kempen kebersihan

Teks dan Foto: Abu Bakar Hj Abd.Rahman



PARA peserta Program Perkampungan Sivik bergambar kenangan bersama Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad sebelum kempen kebersihan dimulakan.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad semasa mengetuai kempen tersebut.



SEBAHAGIAN daripada para peserta Perkampungan Sivik semasa menyertai kempen tersebut.

GADONG, Khamis, 3 Mei. – Para peserta yang mengikuti Program Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Brunei Darussalam 2018 menyertai aktiviti Kempen Kebersihan di sebahagian Kawasan Tebing Sungai Kedayan, di sini.

Kempen tersebut merupakan salah satu aktiviti pengisian di dalam program tersebut dengan melibatkan kesemua peserta termasuk pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan selain dibantu oleh Jabatan Bandaran yang menyediakan fasiliti perkhidmatan pembuangan sampah dan juga Jabatan Alam Sekitar Taman dan Rekreasi (JASTRe).

Turut menyertai kempen kebersihan tersebut ialah Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Peserta Perkampungan Sivik terima sijil

Berita dan Foto: Hernie Suliana binti Haji Othman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad beramah mesra bersama peserta pada Majlis Penyampaian Sijil Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah NBD Kali Pertama 2018 selepas Majlis Penyampaian Sijil.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mei. - 20 peserta Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama tahun 2018 menerima sijil masing-masing setelah mengikuti program tersebut pada Majlis Penyampaian Sijil yang diadakan di Dewan Serbaguna, Kompleks Sukan Sungai Kebun di sini.

Penyampaian sijil tersebut disempurnakan oleh Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad.

Para peserta tersebut merupakan lepasan ijazah dari institusi-institusi pengajian tinggi dalam dan luar negara.

Selama mengikuti program tersebut mereka telah berpeluang untuk mendapatkan maklumat dan ilmu yang bermanfaat sepanjang perkampungan tersebut melalui sesi taklimat oleh agensi-agensi yang dipilih selain ia juga dapat membuka minda dan berusaha untuk menjadi orang yang berjaya dalam mengatasi kelemahan masing-masing.

Awang Ahmad Fadillah bin Haji Abdul Rahman selaku Ketua Wakil Kumpulan yang juga pernah mengikuti penempatan kerja di Jabatan Penerangan melahirkan ucapan penghargaan atas undangan untuk menyertai Perkampungan tersebut, kerana ia membantu dalam memberikan hala tuju yang betul dan lebih mengetahui lagi tentang suasana bekerja di sektor kerajaan.

Majlis diakhiri dengan sesi bergambar ramai, beramah mesra dan makan malam.

Jabatan Penerangan semarakkan Sambutan Israk dan Mikraj

Oleh: Abu Bakar Hj Abd Rahman / Foto: Masri Osman



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan semasa hadir pada Majlis Sambutan Isra dan Mikraj Tahun 1439 Hijrah/2018 Masihi yang diadakan di Surau Jabatan Penerangan.

BANDAR SERI BEGAWAN, Khamis, 3 Mei. – Sempena menyemarakkan hari-hari kebesaran Islam, Jabatan Penerangan hari ini mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj Tahun 1439 Hijrah/2018 Masihi yang diadakan di Surau Jabatan Penerangan di sini.

Hadir sama di majlis tersebut, Pemangku Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad berserta pegawai dan kakitangan jabatan tersebut.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-fatihah beramai-ramai dan disusuli bacaan ayat-ayat suci Al-Quran yang disampaikan oleh Awang Muhammad Khairul Hisyam bin Jaya.

Sambutan turut diserikan dengan ceramah khas yang disampaikan oleh penceramah dari Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB), Awang Haji Mohammad Shahrol Azmi bin Haji Abd. Muluk.



PEMANGKU Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad menyampaikan cenderahati kepada penceramah undangan.



SEBAHAGIAN pegawai dan kakitangan wanita hadir pada majlis tersebut.

Tanamkan semangat kenegaraan berteraskan MIB

Oleh: Aimi Sani / Foto: Muhammad Asri Haji Awang Abas

BANDAR SERI BEGAWAN, Jumaat, 4 Mei. - Perkampungan Sivik Lepasan Ijazah Negara Brunei Darussalam Kali Pertama tahun 2018 berakhir dengan Sesi Percambahan Fikiran Dalam Menilai Program Perkampungan Sivik yang diadakan di Dewan Kompleks Sukan Sungai Kebun, Mukim Sungai Kebun, di sini.

Sesi percambahan fikiran tersebut bertujuan untuk mencadangkan atau menyumbangkan idea masing-masing agar dapat memperbaiki lagi sesi Perkampungan Sivik akan datang.

Percambahan fikiran merupakan satu teknik yang sesuai untuk membuat keputusan bagi menggalakkan penjanaan idea sebanyak mungkin tanpa sebarang kritikan.



Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar ketika berucap pada Sesi Percambahan Fikiran tersebut.



SESI Percambahan Fikiran tersebut dihadiri oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Hadir sama pada sesi tersebut ialah Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Perkampungan Sivik yang diadakan selama 6 hari tersebut bertujuan untuk memupuk dan menanam semangat kenegaraan yang berteraskan falsafah negara Melayu Islam Beraja dan memberikan ruang untuk berbincang dan memahami keperluan semasa, bagi kemajuan bangsa dan negara dalam pelbagai bidang.

Selain itu, ia juga untuk membantu para peserta menerokai peluang-peluang keusahawanan, di samping membolehkan mereka menimba pengalaman sebagai nilai tambah dalam menempuh proses pencarian peluang pekerjaan yang kompetitif dan mencabar.

Program Sua Muka jalin kolaborasi bersama

Oleh : Noraisah Haji Muhammed / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa berucap pada program tersebut.

SUNGAI LIANG, Khamis, 3 Mei. - Program Sua Muka yang dikendalikan oleh Jabatan Penerangan diteruskan lagi dengan berkunjung ke Kampung Sungai Liang iaitu di rumah Ketua Kampung, Awang Haji Mohd. Ibrahim bin Datu Maharaja Seri Dian.

Rombongan Jabatan Penerangan diketuai oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar disertai oleh beberapa orang pegawai dan kakitangan dari Cawangan Penerangan Daerah Belait.

Kehadiran rombongan Jabatan Penerangan dialu-alukan oleh ketua kampong berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK).



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung, Sungai Liang, Awang Haji Mohd. Ibrahim bin Datu Maharaja Seri Dian.



PEGAWAI dan kakitangan Jabatan Penerangan serta MPK Kampung Sungai Liang bergambar ramai di akhir program tersebut.

Antara yang dikongsikan daripada MPK dan penduduk kampung adalah termasuk cadangan yang berkaitan dengan kemudahan, prasarana dan kebajikan awam, pembendungan gejala sosial serta jenayah siber selain mengenai penggunaan bendera, 'banner' dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syar'iah 2013 juga dikongsi bersama.

Jabatan Penerangan terus barigakan maklumat semasa

Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas

TUTONG, Selasa, 8 Mei. - Seramai 31 orang terdiri daripada Ahli Majlis Perundingan Kampung dan penduduk Kampung Penanjong menyertai Program Masyarakat Bermaklumat yang berlangsung di Dewan Utama, Kompleks Dewan Kemasyarakatan, Daerah Tutong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong juga selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya.

Juga hadir, Pemangku Pengarah Penerangan, Awang Mawardi bin Haji Mohammad; Ketua Kampung Penanjong, Awang Haji Jumat bin Haji Kadir, Ketua Cawangan Penerangan Daerah Tutong, Awang

Hasanul Hidayat bin Haji Abu Bakar serta pegawai dan kakitangan Jabatan Penerangan.

Program Masyarakat Bermaklumat merupakan salah satu landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan, agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan melalui penyampaian taklimat, sesi dialog dan lawatan.

Program selama dua hari tersebut bertujuan untuk meningkatkan ilmu pengetahuan dan membarigakan perkembangan terkini mengenai usaha-usaha kerajaan, ke arah mempertingkatkan taraf hidup dan menyuntik semangat diri serta memberikan inspirasi kepada anggota masyarakat.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong juga selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya (atas kiri) sementara peserta perempuan (atas kanan) semasa hadir pada program tersebut.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Abdul Wahab bin Apong juga selaku Penghulu Mukim Tanjung Maya bersama Pemangku Pengarah Penerangan Awang Mawardi bin Haji Mohammad bersama para peserta program tersebut bergambar ramai.

Peserta PMB lawat agensi kerajaan

Oleh: Nooratini Haji Abas / Rohani Hj Abdul Hamid
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat ketika mendengarkan taklimat Wawasan Brunei 2035, yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Awang Nazdeny Ardian bin Haji Johan dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035.

BANDAR SERI BEGAWAN, Selasa, 8 Mei. – Para peserta yang mengikuti Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) yang terdiri dari Ahli Majlis Perundingan Kampung (MPK) dan penduduk Kampung Penanjong memulakan aktiviti mereka dengan melakukan lawatan dan mendengarkan taklimat dari berbagai agensi kerajaan.

Semasa melawat ke Jabatan Perdana Menteri (JPM), rombongan PMB telah mendengarkan Taklimat Wawasan Brunei 2035, yang disampaikan oleh Pegawai Perhubungan Awam Kanan, Awang Nazdeny Ardian bin Haji Johan dari Sekretariat Tetap Wawasan Brunei 2035.

Dalam taklimat tersebut turut menjelaskan menjelang 2035, Negara Brunei Darussalam akan dikenali sebagai sebuah negara yang mempunyai rakyat yang berpendidikan tinggi, berkemahiran tinggi dan berjaya selain menyentuh mengenai rangka kerja wawasan yang dihasilkan bagi mengurus dan memantau agenda pembangunan negara.

Rombongan kemudian melanjutkan lawatan ke Jabatan Adat Istiadat Negara, di ibu negara di sini.

Semasa lawatan tersebut rombongan mula-mula diberikan penerangan mengenai Bangunan Lapau yang disampaikan oleh Pegawai Penyelidik, Awang Mohd. Zaim bin Mahmud, yang antara lain menyentuh tentang sejarah dan peristiwa Bangunan Lapau berkenaan.



SEBAHAGIAN peserta Program Masyarakat Bermaklumat semasa melawat ke Jabatan Adat Istiadat Negara..

Turut di perjelaskan semasa lawatan tersebut ialah mengenai Terasul dan Bahasa Pengganti Diri ‘Bahasa Dalam’ yang disampaikan oleh Pegawai Adat Istiadat, Awang Mohammad Zaizul bin Haji Daud.

Pada kesempatan tersebut rombongan berkesempatan untuk meninjau lebih dekat keindahan serta keunikan bangunan berkenaan.

Selepas itu rombongan melanjutkan pula lawatan ke Pusat Dawah Islamiah (PDI), di Kampung Pulaie.



PESERTA wanita Program Masyarakat Bermaklumat semasa di bawa melawat ke Bangunan Lapau.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat ketika dibawa membuat lawatan ke Bangunan Lapau.

Lawatan bermula dengan bacaan Surah Al-Fatiyah dan diikuti dengan taklimat dari pegawai Pusat Dakwah Islamiah dan diakhiri dengan lawatan ke Balai Pameran dan Unit Pengupayaan Muallaf, Bahagian Bimbingan Muallaf.



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat ketika mendengarkan taklimat semasa melawat ke Pusat Dawah Islamiah.



PEGAWAI dari Pusat Dawah Islamiah semasa menyampaikan taklimat semasa lawatan tersebut.

Peserta PMB adakan lawatan secara berasingan

Oleh : Marlinawaty Hussin / Foto : Azmah Haji Ahad
Oleh : Dk. Vivy Malessa Pg. Ibrahim / Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



PARA peserta Program Masyarakat Bermaklumat semasa mendengar taklimat ketika dibawa melawat ke Syarikat Helif Aquaculture, Kampung Mentiri (kiri atas) manakala (kanan atas) peserta program ketika dibawa meninjau ke ladang ternakan udang.

BANDAR SERI BEGAWAN, Rabu, 9 Mei. - Para peserta Program Masyarakat Bermaklumat (PMB) Jabatan Penerangan mengadakan lawatan secara berasingan di sektor kerajaan dan swasta.

Semasa mengadakan lawatan ke ladang ternakan udang, Syarikat Helif Aquaculture, Kampung Mentiri para peserta terinspirasi dengan ilmu yang mereka perolehi dalam penternakan udang tersebut.

Ketua Pemasaran Helif Aquaculture, Chong Chya dalam ucapannya menjelaskan sejak ladang ternakan udang tersebut beroperasi pada tahun 2000 ianya mampu menghasilkan lebih kurang 250 tan udang setahun dengan kluasan 16 hektar.

Dari Mentiri, para peserta PMB kemudiannya dibawa melawat Jabatan Pertanian dan Agrimakanan, Sinaut di sini.

Semasa lawatan, para peserta telah diberikan taklimat mengenai peluang-peluang dalam Sektor Pertanian dan Agrimakanan di Negara Brunei Darussalam yang dsampaikan oleh Ketua Unit Hal Ehwal Antarabangsa dan Perhubungan Awam, Jabatan Pertanian dan

Agrimakanan, Awang Hirman bin Haji Abu.

Beliau berkata industri Pertanian dan Agrimakanan adalah salah satu sektor utama yang menyumbang kepada pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), eksport dan Kepelbagai Ekonomi.

Selesai taklimat para peserta dibawa melawat ke Kawasan Kemajuan Pertanian Sinaut sekaligus mengakhiri lawatan mereka.



PARA peserta merasa seronok semasa dibawa melawat ke Kawasan Kemajuan Pertanian Sinaut.

Dekati penduduk melalui Program Sua Muka

Berita dan Foto oleh: Noraisah Haji Muhammed



PROGRAM Sua Muka kelolaan Jabatan Penerangan bersama Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim dan Pemangku Ketua Kampung Lorong Tengah, Seria berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung Lorong Tiga Selatan dan Lorong Tengah, Seria.

SERIA, Selasa, 8 Mei. - Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar dan beberapa pegawai serta kakitangan dari Cawangan Penerangan Daerah Belait meneruskan lagi program Program Sua Muka bersama Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim dan Pemangku Ketua Kampung Lorong Tengah, Seria berserta Ahli Majlis Perundingan Kampung Lorong Tiga Selatan dan Lorong Tengah, Seria.

Dalam pertemuan tersebut, MPK dan penduduk kampung telah mengemukakan beberapa permasalahan termasuk cadangan yang berkaitan dengan kemudahan, prasarana dan kebijakan awam, pembendungan gejala sosial serta perekonomian penduduk kampung.

Melalui program berkenaan, pihak jabatan turut memperkenalkan dan membarigakan aplikasi mudah alih Jabatan Penerangan 'InfoDeptBN' dan seterusnya menerangkan tatacara untuk memuat turun aplikasi 'InfoDeptBN' melalui Google Playstore bagi pengguna Android dan App Store bagi pengguna iOS.

Juga dikongsikan, penggunaan bendera, *banner* dan bahan-bahan yang mempunyai kepentingan nasional serta bahan-bahan bacaan mengenai Wawasan Brunei 2035 dan Perintah Kanun Hukuman Jenayah Syariah 2013.



Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar menyampaikan cenderahati kepada Ketua Kampung Lorong Tiga Selatan, Seria, Awang Haji Saidin bin Haji Ibrahim dan Pemangku Ketua Kampung Lorong Tengah, Seria.

Program PMB adalah landasan Jabatan Penerangan untuk menyampaikan maklumat rasmi mengenai dasar dan maksud kerajaan agar semua anggota masyarakat memahami, menyokong dan menghayatinya secara berkesan, bukan sahaja melalui penyampaian taklimat, sesi dialog, malah juga melalui lawatan-lawatan mengikut kesesuaian.

PMP tingkat hubungan dua hala

Berita dan Foto : Ak. Syiaruddin Pg. Dauddin



PEMANGKU Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar semasa mempengerusikan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Pengkalan Batu Tahun 2018.

PENGKALAN BATU, Rabu, 9 Mei. - Jabatan Penerangan mengadakan Program Muzakarah Penerangan (PMP) bagi Mukim Pengkalan Batu Tahun 2018 yang berlangsung di Dewan Kemasyarakatan Mukim Pengkalan Batu, di sini dalam usahanya meningkatkan hubungan baik dua hala di antara pihak kerajaan dan penduduk mukim.

PMP tersebut dipengerusikan oleh Pemangku Timbalan Pengarah Penerangan, Dayang Hajah Noorashidah binti Haji Aliomar.

Ahli-ahli panel Program Muzakarah pula terdiri daripada ketua-ketua jabatan, penolong-penolong ketua jabatan, pegawai-pegawai kanan kementerian-kementerian dan jabatan-jabatan kerajaan.

Juga hadir ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Awang Haji Mohaimin bin Johari @ Jahari selaku Ketua Kampung Limau Manis; ketua-ketua kampung dari Mukim Pengkalan Batu, pegawai-pegawai kanan, pegawai serta kakitangan dari pelbagai agensi-agensi kerajaan.

PMP antara lain diharap akan dapat merapatkan lagi hubungan mesra yang terjalin di antara kerajaan amnya dan Jabatan Penerangan khususnya dengan penduduk mukim, dengan adanya pihak kerajaan bersemuka dengan masyarakat memperlihatkan kepekaan dan sikap pemedulian kerajaan dalam memastikan rakyat serta penduduk hidup dengan aman serta sejahtera, sekali gus dapat mengangkat kredibiliti di mata rakyat dan penduduk.

Menerusi program itu, penduduk mukim berpeluang untuk mengutarakan isu-isu permasalahan yang dihadapi bagi pertimbangan pihak agensi-agensi kerajaan dan dalam masa yang sama pihak agensi-agensi kerajaan juga berpeluang untuk memberikan penerangan dan penjelasan kepada penduduk mukim mengenai isu-isu yang dibangkitkan.



SEBAHAGIAN Ketua Kampong di Mukim Pengkalan Batu semasa hadir pada program tersebut.

Pelajar diseru hayati lagu kebangsaan, bendera negara

Oleh: Rohani Haji Abdul Hamid / Marlinawaty Hussin

Foto: Mohamad Asri Haji Awang Abas



PARA pelajar Sekolah Menengah Menglait, Gadong semasa mendengarkan taklimat pada Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di sekolah tersebut.

GADONG, Sabtu, 26 Mei. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Bahagian Kenegaraan dan Kemasyarakatan meneruskan siri Program Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara’ di dua buah sekolah secara berasingan iaitu di Sekolah Menengah Menglait, Gadong (SMMG) dan Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP) Cawangan Jangsak.

Semasa di Sekolah Menengah Menglait Gadong program dihadiri oleh 140 orang penuntut Tahun 7.

Taklimat Kenegaraan ‘Menghayati Bendera Negara dan Lagu Kebangsaan’ disampaikan oleh Pegawai Penerangan, Dayang Hajah Hamsah binti Datu Kerna Haji Jaya.

Manakala di Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP) Cawangan Jangsak, program dihadiri

oleh 57 pelajar dari Tahun 7 hingga 11. Taklimat disampaikan oleh Penolong Pegawai Penerangan, Awang Mohd. Nurakram bin Noraini @ Bahrin.

Antara atur cara pada kedua-dua program tersebut termasuklah menyanyikan Lagu Kebangsaan ‘Allah Peliharakan Sultan’ dan lagu patriotik ‘Bendera Negara’, selain menyaksikan Klip ‘Kibarkanlah Dengan Megah Bendera Negara’, Semarak Pengibaran Bendera Negara dan Videonimasi Tatacara Menaikkan Bendera Negara serta Klip Video Aplikasi Mudah Alih ‘InfoDeptBN’.

Tujuan Taklimat Kenegaraan ialah bagi mengoptimakan penghayatan dan pemahaman khususnya dalam kalangan para penuntut terhadap Lagu Kebangsaan dan Bendera Negara ke arah kesedaran hidup berbangsa, beragama berdasarkan falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB).

SEBAHAGIAN pelajar Tahun 7 hingga 11 Sekolah Menengah Nusa Laila Puteri (SMNLP) Cawangan Jangsak semasa menghadiri taklimat kenegaraan tersebut.



MS PDB juara Bola Jaring Jabatan Penerangan

Berita dan Foto : Marlinawaty Hussin

GADONG, Jumaat, 11 Mei. - Pasukan Majlis Sukan Polis Diraja Brunei (MS PDB) mempertahankan kejuaraannya apabila menewaskan Pasukan Biro Kawalan Narkotik (BKN) 9 - 7 pada Kejohanan Bola Jaring anjuran Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri (JPM) di Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong, di sini.

Sementara itu, pasukan Jabatan Peguam Negara (JPN) meraih tempat ketiga selepas meranapkan harapan pasukan Radio Televisyen Brunei (RTB) 11 - 10.

Hadir menyaksikan perlawanan akhir tersebut sekali gus menyempurnakan penyampaian hadiah ialah Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman.

Kejohanan disertai oleh tujuh buah pasukan terdiri Kumpulan ‘A’ MS PDB; Jabatan Percetakan Kerajaan dan Jabatan RTB manakala Kumpulan ‘B’ terdiri daripada JPN; BKN; Jabatan Perkhidmatan Elektrik dan Jabatan Penerangan.

Kejohanan diadakan sempena Memperingati Penubuhan Jabatan Penerangan yang Ke-66 Tahun, di mana penyertaannya dibukakan kepada jabatan-jabatan di bawah JPM dan media-media swasta tempatan dengan hasrat akan dapat mengeratkan lagi hubungan silaturahim di antara jabatan-jabatan di bawah Jabatan Perdana Menteri, selain mempromosi cara hidup sihat dalam kalangan para pegawai dan kakitangan.



Ahli Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman menyampaikan piala kepada wakil pasukan juara.



AHLI Majlis Mesyuarat Negara, Yang Berhormat Dayang Siti Rozaimeryanty binti Dato Seri Laila Jasa Awang Haji Abdul Rahman bergambar ramai bersama pasukan Jabatan Penerangan.



جوالن بوکو٢ تر بیت جابتون فرغن

DAPATKAN
SEKARANG!

JUALAN BUKU-BUKU TERBITAN JABATAN PENERANGAN

تیتاه

TITAH - TITAH



KUMPULAN TITAH KEBAWAH DULI
YANG MAHA MULIA PADUKA SERI
BAGINDA SULTAN DAN YANG DI-PERINTUAN
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

2016

HIMPUNAN TITAH

Tahun	Harga
1984 - 1987	\$5.50
1988 - 1989	\$5.50
2012	\$7.50
2013	\$6.50
2014	\$6.00
2015	\$5.00
2016	\$4.00

سیدا SABDA



KUMPULAN SABDA
DULI YANG TERAMAT MELIA
PADUKA SERI BAGINDA SULTAN
PENGURUS MUDA HAJI AL-MUHTADEE BILLAH,
MENTERI KANAN DI JAKARNA PERDANA MENTERI
TARUN 2000

Waktu Perniagaan

Isnin - Khamis
8.00 Pagi – 12.00 T/hari
2.00 Ptg – 3.00 Ptg

Sabtu

8.00 Pagi – 11.00 Pagi

HIMPUNAN SABDA

Tahun	Harga
2012	\$3.50
2013	\$4.00
2014	\$2.00
2015	\$4.00
2016	\$2.00

HALUAN

Tahun	Harga
2012	\$23.00
2015 - 2016	\$12.50

کوہشیلیاسی سیدا القندی

KOMPILASI SABDA ANAKANDA



KOMPILASI SABDA ANAKANDA 2011-2016

Harga
\$3.50



BRUNEI DARUSSALAM NEGARAKU 2015 - 2016

Harga
\$11.50



TUTONG
DISTRICT

Harga
\$3.50

TEMBURONG
DISTRICT

IBU PEJABAT JABATAN PENERANGAN

JABATAN PENERANGAN,
JABATAN PERDANA MENTERI,
LAPANGAN TERBANG LAMA,
BERAKAS, BB3510,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 2383400
FAKS : 2382242

BUKU-BUKU BOLEH DIBELI MELALUI:
KAUNTER UNIT SOKONGAN, ARAS BAWAH,
BANGUNAN ASAL JABATAN PENERANGAN

CAWANGAN DAERAH TEMBURONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
KERAJAAN, DAERAH TEMBURONG,
BANGAR
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 5221342

CAWANGAN DAERAH TUTONG

BANGUNAN JABATAN-JABATAN
DAERAH TUTONG, TA1314,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 4220290

CAWANGAN DAERAH BELAIT

PEJABAT PENERANGAN
SERIA JALAN BOLKIAH, SERIA,
KB4333, DAERAH BELAIT,
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TALIAN : 3224636



InfoDeptBN



Layari ePaper
Pelita Brunei



Jabatan Penerangan
Jabatan Perdana Menteri
Brunei Darussalam



infodept.bn



infodept_bn

Sila layari laman sesawang Jabatan Penerangan di:

<http://www.penerangan.gov.bn>
<http://www.information.gov.bn>
<http://www.pelitabrunei.gov.bn>
<http://www.infofoto.gov.bn>

Media Sosial Penerangan:



Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri



infodept.bn

infodept_bn

**Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri,
Lapangan Terbang Lama, Berakas, BB3510, Negara Brunei Darussalam.**

Tel : 2383400 Faks : 2382242